



**KEMASUKAN** air yang disalurkan dari Sungai Seluyut menambahkan sedikit kenaikan di takungan air Empangan Lebam di Kota Tinggi, Johor, semalam.

Ekoran cuaca panas berpanjangan

# 6 empangan kritikal

Oleh **MUZDALIFAH MUSTAPHA**

pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 5 APRIL**

**S**EBANYAK enam empangan di empat negeri kini dipantau oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berikutan bacaan paras air simpanannya berada di tahap kritikal berikutan cuaca panas yang berpanjangan.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili berkata, bagaimanapun keadaan itu masih belum memaksa SPAN untuk melaksanakan cautan air.

Menurutnya, empangan yang dipantau ialah Timah Tasoh, Perlis yang mencatat paras air sebanyak 20.14 peratus; Gemenchek, Negeri Sembilan (21.18 peratus); Lebam (25.59 peratus) dan Layang (24.18 peratus) di Johor dan empangan

Milau dan Babagon di Sabah, masing-masing sebanyak 33.9 peratus.

“Dua empangan di Johor itu dikategorikan antara paling kritikal, ia memang selalu bermasalah kerana kawasan tadahannya yang kecil, tetapi kerajaan negeri dan SPAN sentiasa memantau dan buat masa ini bekalan air masih mencukupi, tambahan pula kerajaan negeri baru sahaja membina paip.

“Di Gemenchek pula, masalah yang sering dihadapi adalah kerana kurang berlaku hujan di kawasan tadahan, kadangkala hujan dua kali setahun,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa, di sini hari ini.

Maximus berkata, dalam usaha mengatasi situasi enam empangan itu, Kabinet telah mewujudkan satu jawatankuasa yang dipimpin oleh kementeriannya bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Sehubungan itu, katanya, segala

keputusan bagi melaksanakan cautan air perlu mendapat pandangan daripada jawatankuasa tersebut, selain keputusan pihak kerajaan negeri.

“Tidak semestinya jika empangan itu paras airnya rendah, maka perlu dicatu, ia sebenarnya tertakluk kepada jumlah air simpanan yang boleh diproses dan keputusan hendaklah dibuat oleh operator yang menjaga bekalan air di setiap negeri,” katanya.

Beliau memberitahu, lebih 70 empangan adalah di bawah penyeliaan kementeriannya bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, namun tidak termasuk empangan pertanian.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, projek Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) kini telah berada di tahap 60 peratus pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada 2019.

“Meskipun berlaku kelewatan dalam pembinaan Langat 2 tetapi kontraktor yang dipertanggungjawabkan telah melakukan yang terbaik untuk projek itu,” katanya.



**MAXIMUS JOHNITY ONGKILI**



**PENGERUSI** Kerajaan Tempatan, Perumahan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Kedah, Datuk Badrul Hisham Hashim (kiri) melihat pelepasan air empangan ketika melawat Empangan Beris, Sik, Kedah, semalam. - UTUSAN/NORLIA RAMLI

info

## EMPANGAN

Negeri/ Empangan	Peratus Simpanan
● <b>Perlis</b> - Timah Tasoh	<b>20.14%</b> (kritikal)
● <b>Negeri Sembilan</b> - Gemencheh	<b>21.18%</b> (kritikal)
● <b>Johor</b> - Lebam	<b>25.59%</b> (kritikal)
- Layang	<b>24.18%</b> (kritikal)
● <b>Sabah</b> - Milau	<b>33.90%</b> (dipantau)
- Babagon	<b>33.90%</b> (dipantau)



**CUACA** panas dan kering berikutan fenomena El Nino menyebabkan paras air susut di Empangan Teluk Bahang, George Town, Pulau Pinang, semalam. -BERNAMA



**BEGINILAH** keadaan paras air yang direkodkan berada di bawah tahap kritikal di Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID